

# Tersebar melalui haiwan ternakan

» *Rumpai Miang Mexico boleh jejas sistem penafasan*

Oleh Magendran Rajagopal dan Ahmad Ismail

bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**R**umpai Miang Mexico, yang mengakibatkan alahan pada kulit dan menjejaskan sistem pernafasan manusia, mungkin tersebar di negara ini sejak tahun lalu melalui haiwan ternakan yang diimport.

Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, berkata pihaknya sudah melakukan penyelidikan terhadap tumbuhan itu terutama dari segi kesannya kepada binatang dan tumbuhan lain.

“Rumpai ini bukan tumbuhan semula jadi di Malaysia dan ada bukti menunjukkan ia mungkin tersebar di negara ini sejak tahun lalu melalui binatang ternakan seperti lembu.

“Lembu yang memakan rumpai ini di negara asal menyebabkan penyebaran biji benih tumbuhan terbabit dipindahkan melalui pembuangan najisnya apabila tiba di des-

tinasi lain.

“UPM sedang membuat kajian terhadap rumpai Miang Mexico ini atau nama saintifiknya, *Parthenium hysterophorus*,” katanya.

## Hasilkan 15,000 benih

Beliau yang juga profesor di Jabatan Sains Tanaman dengan kepakaran bidang sains rumpai dan pengurusan padang rumput berkata, rumpai berkenaan yang tergolong dalam keluarga tumbuhan jenis Asteraceae, menghasilkan bunga kecil berwarna putih, masing-masing mengandungi sehingga lima biji benih dan mampu menghasilkan 10,000 hingga 15,000 biji benih sepanjang jangka hayatnya selama empat minggu.

Difahamkan benihnya boleh kekal subur sehingga 10 tahun sebelum bercambah. Dalam tempoh 100 tahun lalu, ia dikesan merebak dari habitat asalnya ke Afrika, Australia, Asia serta Kepulauan Pasifik dan kini disenaraikan sebagai antara tujuh rumpai paling berbahaya di dunia.

Rumpai yang mudah bercambah dan membiak itu juga diklasifikasi sebagai tumbuhan perosak di bawah Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 kerana debunganya boleh mencemari sayuran seperti tomato, terung dan kekacang, selain merosakkan hasil tenusu jika dimakan oleh haiwan ternakan.

Rumpai itu juga dikatakan

kebal kepada kesan racun rumpai seperti glyphosate, manakala penggunaan racun Paraquat (Gramxone) hanya berkesan terhadap tumbuhan yang masih muda. Kaedah terbaik bagi menghapuskannya ialah melalui pembersihan secara manual.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr H Krishnakumar, berkata orang ramai harus sentiasa berjaga-jaga kerana rumpai berkenaan mengakibatkan ruam kulit dan lelah.

“Sesiapa yang tersentuh rumpai ini akan rasa gatal dan sesak nafas serta perlu segera mengambil antihistamine sebagai penawar kepada alahan yang dialami, selain membasuh berulang kali anggota badan yang tersentuh tumbuhan berkenaan.

## Rongga nafas tersekat

“Jika ada individu mengalami kesan agak teruk seperti bengkak pada bahagian tekak dan tekanan darah rendah, mereka harus ke hospital seberapa segera, kerana rongga pernafasan mungkin tersekat, sekali gus menjadikan keadaan mangsa lebih kritikal,” katanya.

**Di Segamat**, Jabatan Pertanian Johor mewujudkan bilik gerakan bagi memantau rumpai itu selepas menemui tumbuhan berkenaan di beberapa kawasan di daerah ini sejak 30 November lalu.

Penolong Pengarah Bahagi-



“  
Lembu yang memakan rumpai ini di negara asal menyebabkan penyebaran biji benih tumbuhan terbabit dipindahkan melalui pembuangan najis apabila tiba di destinasi lain”

**Abdul Shukor Juraimi**,  
Dekan Fakulti Pertanian,  
UPM

an Unit Teknologi Bio Sekuriti Tumbuhan jabatan berkenaan, Zaiti Akmal Dahlan, berkata rumpai itu ditemui orang awam di Jalan Susor Pemuda, Jalan Hasan di Kampung Gubah, Jalan Kuari dan Jalan Buloh Kasap di sini.

Katanya, pihaknya kini dalam proses mengkaji mekanisme yang sesuai bagi menghapuskan rumpai berkenaan kerana racun sedia ada tidak sesuai dan kurang berkesan kerana ia akan tumbuh semula dalam masa singkat.